

Ingatan kepada pembangkang supaya jangan untungkan PKM

PEMIMPIN-pemimpin parti pembangkang termasuk Pas telah membuat kenyataan menolak bahawa parti masing-masing ada pertalian atau hubungan dengan PKM atau Parti Komunis Malaya. Kenyataan-kenyataan ini ialah sebagai menjawab kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa kelmarin bahawa KPM telah memuji Allahyarham Dr Burhanuddin Al-Helmy, dan Allahyarham Ahmad Boestamam dalam siaran-siaran radio haram mereka dan di samping itu, ada setengah-setengah anggota "peringkat rendah" sebuah parti politik yang membuat hubungan dengan KPM. Menurut Datuk Musa, "Beberapa orang anggota parti tersebut telah dijumpai oleh setengah-setengah golongan Parti Komunis dan dalam perjumpaan-perjumpaan itu KPM telah menyatakan sokongan mereka terhadap perjuangan orang-orang Islam di negara ini."

Sebenarnya apa yang berlaku itu, seperti yang diterangkan oleh Datuk Musa, iaitu PKM cuba memujuk orang-orang Melayu di kawasan-kawasan pedalaman dengan men-

dakwa mereka menyokong perjuangan umat Islam di negara ini telah berjalan lama. Kenyataan-kenyataan pihak polis dan tentera keselamatan di masa lalu telah berkali-kali mengingatkan rakyat supaya waspada terhadap pujuk rayu cara dan bentuk khusus untuk mencari pengaruh di kalangan orang-orang Melayu di negeri ini. Perihalnya mereka menimbulkan nama Allahyarham Dr Burhanuddin Al-Helmy dan Allahyarham Ahmad Boestamam ialah kerana mereka hendak menunjukkan kononnya mereka menyokong perjuangan nasionalis kiri Melayu. Tetapi sebenarnya, propaganda itu cuma helah dan tipu daya semata-mata untuk mengabui mata orang-orang Melayu khususnya dan orang-orang Islam amnya di negara ini. Tentang kenyataan-kenyataan pihak pembangkang menolak bahawa mereka ada pertalian dengan PKM, ada baiknya mereka meneliti kembali kenyataan Datuk Musa hari Sabtu kelmarin.

Kenyataan itu ditujukan kepada anggota-anggota sebuah parti politik di peringkat ren-

dah yang dikatakan ada hubungan dengan PKM. Kenyataan itu tidak khusus dimaksudkan untuk ditujukan kepada sebuah parti politik tetapi sebaliknya ia dimaksudkan untuk menerangkan tentang adanya anggota-anggota peringkat rendah sebuah parti politik yang berhubung dengan anasir-anasir PKM. Keterangan itu patut diterima dengan baik dan wajar oleh parti-parti pembangkang kerana hal yang dikatakan oleh Datuk Musa itu memang berlaku. Datuk Musa menegaskan bahawa hal yang disebutkan itu tidak berlaku di peringkat nasional malah ia tidak pun diketahui oleh parti berkenaan. Adalah menjadi tugas dan kewajipan tiap parti mengamati dan meneliti tindak-tanduk anggota-anggotanya demi menghindarkan kemungkinan penyusupan anasir-anasir komunis ke dalam parti masing-masing.

Hal ini berlaku tidak sahaja sekarang malah di masa lalu pun, hanya caranya sahaja berubah, seperti dilakukan oleh PKM kini iaitu cuba melagak konon mereka menyokong

perjuangan pemimpin-pemimpin kiri Melayu itu.

Sokongan kepada perjuangan parti pembangkang ialah kerana PKM cuba menanggung di air yang keruh. Sebarang kegelisahan, rasa tak puas hati rakyat, kekeliruan rakyat terhadap dasar atau tindakan kerajaan disebabkan kecaman atau kutukan pembangkang terhadap dasar itu adalah menguntungkan PKM kerana semuanya memomokkan kerajaan. Inilah sebabnya tindak-tanduk puak pelampau atau ekstremis memburukkan kerajaan bererti menguntungkan musuh negara kerana tindakan pelampau memecah-belahkan rakyat, melaga-lagakan satu golongan dengan golongan lain bererti meruncingkan keadaan dalam masyarakat yang mencetuskan pula bermacam-macam kemungkinan untuk dipergunakan oleh PKM bagi keuntungan politiknya. Kenyataan Datuk Musa hari Sabtu kelmarin sebenarnya ingatan yang patut dipandang berat oleh pihak pembangkang.